



SEBUAH kereta ditenggelami air selepas tersangkut dalam banjir kilat di Jalan Chan Sow Lin, Kuala Lumpur, semalam.

Banjir kilat di Kuala Lumpur

Oleh CYNTHIA YEOH dan TAN MING WAI

KUALA LUMPUR 16 Okt. - Hujan lebat selama kira-kira dua jam mulai pukul 3 petang ini menyebabkan beberapa kawasan di ibu kota dilanda banjir kilat sehingga mengakibatkan kesesakan lalu lintas dan beberapa kenderaan terperangkap serta ditenggelami air.

Kenderaan-kenderaan yang semakin memenuhi ibu negara selepas warga kota pulang semula daripada berhari raya di kampung, terpaksa dipandu begitu perlahan kerana jarak penglihatan terhad akibat hujan lebat.

Hujan paling lebat ialah antara pukul 3.15 hingga 3.30 petang dengan ramai yang menghubungi pejabat *Utusan Malaysia* memberitahu bahawa mereka tidak boleh memandu kerana hampir tidak nampak apa-apa di hadapan kereta.

Manakala di sesetengah tempat, kenderaan tidak bergerak langsung ekoran jalan raya dinaiki air malah menenggelamkan beberapa kereta terutama di kawasan rendah.

Antara kawasan yang dinaiki air ialah Jalan Pantai Baru, Jalan Sungai Besi, Jalan Chan Sow Lin, Jalan Kuchai Lama, Bukit Jalil dan Jalan Setia Kasih di Bukit Damansara.

Bagaimanapun, tiada kemalangan jiwa atau kecederaan dilaporkan.

Dua jentera dan 15 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Pantai dan Sri Hartamas dikejarkan ke Jalan Kuchai Lama dan Jalan Setia Kasih untuk memberi bantuan kepada mangsa-mangsa yang terperangkap.

Di Jalan Chan Sow Lin iaitu laluan bawah jambatan berhampiran stesen transit aliran ringan (LRT), sebuah kereta Perodua Kancil dan Toyota ditenggelami air dalam kejadian kira-kira pukul 4.10 petang.


Bagaimanapun pemandu-pemandu kereta itu berjaya diselamatkan oleh orang ramai yang kebetulan berada di tempat kejadian setelah melihat air naik mendadak sekelip mata.

Selain jalan-jalan dinaiki air, kejadian tanah runtuh turut berlaku di Jalan Pantai berhampiran ibu pejabat Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Berikutan itu, berlaku kesesakan lalu lintas di sepanjang Jalan Pantai Dalam menghala pusat bandar raya.

Bagaimanapun keadaan trafik pulih seperti biasa apabila beberapa anggota TNB segera membersihkan kawasan tersebut tanpa menunggu bantuan pihak berkuasa.

Bilik Gerakan Trafik Kuala Lumpur ke-



DUA buah kereta mengharungi banjir kilat di Jalan Pantai Baharu menghala ke pusat bandar berdekatan Stadium Hoki Universiti Malaya, Kuala Lumpur, semalam.

- Bernama

Pada mulanya saya sangka sempat melepasi jalan yang menurun di bawah jambatan itu kerana hanya melihat air cetek di atas jalan tetapi apabila sudah berada betul-betul di kawasan rendah di bawah jambatan itu, tiba-tiba paras air naik mendadak

CHEN YEAN WOEI

surut kira-kira sejam kemudian.

Sementara itu, pemilik kereta Perodua Kancil yang tenggelam di Jalan Chan Sow Lin, Chen Yeon Woei, 32, ketika ditemui *Utusan Malaysia* memberitahu beliau tersesat di Jalan Chan Sow Lin ketika dalam perjalanan menuju ke Pandan Perdana.

"Saya tak biasa jalan-jalan di Kuala Lumpur dan sedang menuju ke Pandan Perdana tetapi tersesat lalu memasuki Jalan Chan Sow Lin.

"Pada mulanya saya sangka sempat melepasi jalan yang menurun di bawah jambatan itu kerana hanya melihat air cetek di atas jalan tetapi apabila sudah berada betul-betul di kawasan rendah di bawah jambatan itu, tiba-tiba paras air naik mendadak.

"Saya 'tersangkut' bersama-sama kereta dalam kesesakan dan ketika itu kenderaan tidak bergerak langsung, namun saya sempat menyelamatkan diri ketika air pada paras pinggang."

tika dihubungi memberitahu, keadaan trafik sepanjang hujan itu terkawal walaupun mengakui hujan lebat mungkin mengganggu penglihatan pemandu.

Walaupun hujan berlanjutan dua jam, lebuh raya Terowong Pengurusan Air Banjir dan Jalan (SMART) menghubungkan Jalan Tun Razak ke Lebuh Raya Hubungan Kuala Lumpur-Seremban bagaimanapun tidak ditutup kepada lalu lintas.

Pengaliran air dari Sungai Klang dan Sungai Gombak ke kolam takungan di Taman Desa tidak dilakukan mengguna-

kan terowong tiga tingkat itu kerana parasnya yang dikatakan tidak mencecah paras bahaya.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di terowong itu mendapati keadaan lalu lintas sesak di dalamnya dan hanya kembali lancar kira-kira pukul 5 petang.

Dalam pada itu, di Bukit Jalil, dalam kejadian pukul 4 petang, enam rumah di Ladang Bukit Jalil dinaiki air sehingga satu meter.

Bagaimanapun, kesemua penghuni sempat menyelamatkan diri dan air mulai